



Pemantauan dan tindakan tegas perlu diambil terhadap penjaja warga asing yang menyumbang kepada masalah kebersihan di sekitar ibu kota.

(Foto ihsan DBKL)

Gerai diusaha warga asing di ibu kota kotor

DBKL disaran pantau premis abai kebersihan, jejas nama baik peniaga tempatan

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Perniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) mendakwa gerai diusahakan warga asing menyumbang kepada masalah kebersihan di sekitar ibu kota, menyebabkan pelancong kurang selesa berkunjung ke gerai yang ada.

Justeru, GPPPKMM menyarankan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memantau gerai yang dibuka oleh warga asing, yang rata-rata perniagaan mereka didakwa didaftarkan atas nama rakyat tempatan.

Ketua Penerangannya, Dr Ammar Hassan, berkata jumlah gerai seperti itu banyak dan rata-ratanya dalam keadaan tidak bersih, sekali gus menjelaskan nama semua gerai dan penjaja kecil yang diusahakan penduduk tempatan di sekitar bandar raya.

"Rata-rata gerai yang dimiliki warga asing didaftar menggunakan

kan nama rakyat tempatan. Sebagai wakil persatuan, kami minta DBKL memperketatkan penguatkuasaan terhadap mereka (warga asing)," katanya kepada BH, semalam.

Bagi ahli GPPPKMM, beliau berkata, mereka sentiasa diingatkan oleh pihak persatuan untuk sentiasa menjaga kebersihan, namun perkara sama sukar dilakukan kepada peniaga warga asing yang sukar dipantau kerana mereka bukan ahli persatuan berkenaan.

Naik taraf gerai

Pada masa sama, Ammar berkata, persatuan berkenaan berharap supaya peruntukan dapat disalurkan kepada penjaja kecil bagi menaik taraf gerai.

"Jika diberikan peruntukan, penjaja dapat menaikkan taraf gerai mereka, kerja-kerja pembersihan yang akan dijalankan akan jadi lebih mudah. Kita tidak boleh harap penjaja sendiri untuk naik taraf gerai kerana pendapatan bermiaga ini tidak menentu."

"Bukan setiap hari kami dapat keuntungan, ada hari kami tanggung kerugian," katanya turut menyarankan DBKL mengambil contoh suasana dan lokasi perniagaan gerai di Hatyai, Thailand yang sangat bersih.

"Rata-rata gerai penjaja di Hatyai sangat bersih. Walaupun suasana pada waktu malam sangat meriah dengan pelancong,

tiada sampah yang ditinggalkan selepas mereka tutup gerai, semuanya dalam keadaan bersih.

"Untuk mencapai tahap seperti di Hatyai, DBKL perlu menjadi lebih tegas. Jika gerai tidak bersih, kenakan tindakan. DBKL juga boleh adakan kursus kebersihan bersama penjaja supaya penjaja dapat mengikut piawaian tahap kebersihan ditetapkan sebelum dikenakan tindakan," katanya.

Untuk menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahu melihat gerai-gerai di ibu kota indah dan bersih, beliau berkata, masalah kebersihan perlu ditangani segera dan pihaknya mengalu-alukan DBKL bertemu dan berunding dengan GPPPKMM untuk sama-sama mencari solusinya.

Pada 22 Disember lalu, Anwar ketika berucap pada Majlis Ilmu Perdana bersama Ahli Akademik dan Warga Institusi Pengajian Tinggi di Putrajaya, berkata beliau memberi tempoh tiga bulan kepada DBKL untuk mengemukakan laporan berhubung cadangan mengindahkan gerai penjaja di sekitar bandar raya ini.

"Saya nak Kuala Lumpur ini, tempat gerai itu diindahkan, jangan fikir gedung tinggi sahaja. Saya beritahu, (dalam) tiga bulan, beri laporan kepada saya macam mana nak buat. Jangan jawab tak boleh, orang tak ada, tempat tak ada, saya tidak terima, saya mahu jawapan," kata Perdana Menteri.